



Keempat-empat nelayan warga Vietnam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam atas dakwaan menggunakan nombor pendaftaran vesel palsu.

4 nelayan asing kena dakwa

KUALA TERENGGANU- Empat nelayan termasuk seorang tekong warga Vietnam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam atas dakwaan menggunakan nombor pendaftaran vesel palsu.

Bagaimanapun, keempat-empatnya mengaku tidak bersalah atas dakwaan di bawah Seksyen 14(3) (b) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) yang dibaca bersama Seksyen 24(1) akta sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(a) dibaca bersama Seksyen 34 Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Mengikut pertuduhan, mereka bersama-sama didakwa pada 5 Jun lalu, jam 9.30 pagi di atas vesel penangkapan asing di perairan perikanan Malaysia pada jarak 70.2 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, didapati menggunakan nombor pendaftaran PAF 4836,

iaitu satu cara pengenalan suatu vesel penangkapan ikan yang lain.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim), Ibu Pejabat Wilayah Maritim Timur, Mohamad Afiq Taquudin Roslan dihadapan Hakim Azman Mustapha.

Seterusnya, Azman menetapkan 17 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula, manakala tiada sebarang jaminan ditawarkan kepada semua tertuduh.

Sebelum ini, taktik nelayan warga asing ini yang mahu mengaburi mata pihak berkuasa dengan menyamar sebagai bot nelayan tempatan tidak berjaya selepas ditahan Maritim yang membuat rondaan di sekitar perairan Malaysia 70.2 batu nautika dari Muara Kuala Terengganu.